

09/09/1997

Murabatah diri menebus maruah bangsa dan agama

Dr Abdurrahman Haqqi

DALAM perutusannya pada Perhimpunan Agung Umno baru lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ada menyebut beberapa faktor yang membawa negara kepada kestabilan, maju, makmur dan berjaya. Faktor itu adalah kematangan politik, kerajaan yang stabil dan berkesan, jentera pentadbiran yang cekap serta rakyat yang rajin, tekun, sanggup bekerja keras dan sentiasa mementingkan perpaduan dan keharmonian kaum.

Selepas menekankan tanpa faktor di atas, negara tidak mungkin membangun dan maju dengan begitu pesat, beliau mengingatkan: "Namun demikian, rakyat Malaysia hendaklah berwaspada terhadap unsur dalam negara yang boleh menghancurkan semua kejayaan yang kita nikmati sekarang."

Adalah amat penting rakyat berbilang kaum di negara ini tidak mudah terpengaruh dengan pelbagai dakwaan dan tuduhan tidak berasas.

Untuk selalu waspada dan bersiap sedia mempertahankan kemerdekaan dan kesinambungan pemertabatannya, konsep al-murabatah dalam Islam boleh diterapkan kepada pemimpin, rakyat dan semua jentera pentadbiran untuk menghadapi sebarang cabaran dan dugaan yang mengganggu faktor di atas sama ada dari dalam ataupun luar.

Murabatah adalah istilah yang digunakan al-Quran bermaksud meneruskan kesinambungan berjihad dengan berwaspada dan bersiap sedia. Kita menjumpai dua ayat mengenainya dalam ayat jihad dalam al-Quran. Kedua-dua ayat itu adalah ayat 200 surat Ali Imran dan ayat 60 surah al-Anfal. Bagaimanapun, ada tiga ayat lagi menyebut perkataan rabt yang bukan untuk pengertian kesinambungan tapi untuk pengertian `tali' atau `pengukuhan' - (QS. al-Anfal: 11; al-Kahf: 14; dan al-Qasas: 10).

Ayat Ali Imran menyatakan maksudnya: "Wahai orang yang beriman, bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan kebajikan), dan kuatkanlah kesabaran kamu (lebih daripada kesabaran musuh, di medan perjuangan), dan bersedialah (dengan kekuatan pertahanan di daerah sempadan) serta bertakwalah kepada Allah, supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan)." Ayat al-Anfal pula menyatakan maksudnya: "Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan, daripada pasukan berkuda yang lengkap, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh lain daripada mereka yang tidak kamu ketahui; sedang Allah mengetahuinya. Dan apa saja yang dibelanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiayai."

Dalam ayat Ali Imran digunakan kata kerja rabitu (dan bersedialah dengan kekuatan pertahanan di daerah sempadan) manakala al-Anfal menggunakan kata benda ribaat (daripada pasukan berkuda (yang lengkap) dan kedua-duanya berasal daripada kata dasar murabatah yang ertinya selalu waspada dan bersiap sedia.

Dalam memahami nas al-Quran, selagi tidak ada indikasi pengkhususan ayatnya menerusi tekstual (mantuq) dan yang sejenis, kita boleh mengaplikasikannya kepada perkara lain yang tidak disebutkan menerusi kaedah kontekstual (mafhum) sama ada persamaan (muwafaqah) atau perbezaan (mukhalafah) seperti dikaji dalam ilmu Usul Fikah (Lihat al-Isnawi, at-Tamhid, 240 dst).

Jadi, andainya kedua-dua ayat di atas secara tekstualnya dibincang mengenai kesinambungan persediaan dan persiapan berjihad namun ia boleh diterapkan kepada pengertian kontekstual yakni kesinambungan persediaan dan persiapan segala perkara termasuk mengisi kemerdekaan. Ini kerana

tidak ada dalil mengkhususkannya kepada jihad saja.

Ibnu Katsir (w. 774H), ketika membahas ayat Ali Imran, khususnya perkataan murabatah berkata: "Ia bermakna menjaga kesinambungan beribadat dan ketetapan hati." - (Mukhtasar Tafsir al-Quran, 1/351). Maka, jelaslah murabatah bukan hanya dikhasikan kepada jihad tetapi mencakupi segala aspek hidup dan kehidupan termasuk kesinambungan mengisi kemerdekaan, membangun, membina, memaju, menjaya dan mengangkat martabatnya demi menebus maruah. Untuk memahami perlunya kesinambungan mengisi kemerdekaan diperlukan suatu fikah dalam konteks terhadapnya.

Fikah selepas menjalani kehidupannya bersama masyarakat bertamadun dan berteraskan Islam mempunyai beberapa nama. Imam Abu Hanifah (w. 150), sebagai contoh, melabelkannya al-Fiqh al-Akbar dalam sebuah kitabnya mengenai akidah. Ulama Islam abad ketiga Hijrah, contohnya, melabelkan pemikiran perundangan dengan Fiqh Hanafi, Fiqh Maliki, Fiqh Syafi'i, Fiqh Hambali dan lain-lain.

Kini kita didedahkan kepada label baru fikah seperti Fiqh as-Sunnah oleh as-Saiyid Sabiq, Fiqh as-Sirah oleh Syeikh Muhammad al-Ghazali, Fiqh az-Zakah oleh Dr Yusuf al-Qaradhawi (kedua-dua pakar ini pernah menerima Anugerah Presiden Bagi Kesarjanaan Cemerlang daripada Universiti Islam Antarabangsa (UIA), dan al-Fiqh al-Islami oleh Dr Wahbah al-Zuhaili. Di samping itu, ada juga istilah yang biasa digunakan dalam tulisan berbahasa Arab dan bahasa Melayu seperti Fiqh al-Waqi (fikah realiti) Fiqh al-Biah (fikah alam sekitar), Fiqh al-Mar'ah (fikah kewanitaan) dan Fikah MABIMS (Majlis Agama Islam Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura).

Andainya fikah demikian halnya, dalam mengisi kemerdekaan 1997 ini ada baiknya kita menghayati dan melaksanakan fikah kemerdekaan atau Fiqh al-Istiqlal dengan pengertian pemahaman terhadap tuntutan syari'ah mengenai mewujudkan dan mengisi kemerdekaan sebagai rahmat Tuhan yang sangat berharga dan menebus maruah menerusi murabatah.

Perlu ditekan di sini kemerdekaan adalah maruah sesuatu bangsa. Jadi, fikah kemerdekaan sinonim dengan menjaga maruah dan mempertahankannya. Fikah kemerdekaan terbahagi kepada dua bahagian dalam penghayatan dan pelaksanaannya iaitu fikah kemerdekaan sebelum perwujudan kemerdekaan dan fikah kemerdekaan selepasnya. Jika yang pertama disebut penghayatan dan pelaksanaannya tertumpu kepada bagaimana mencapai kemerdekaan, yang kedua adalah bagaimana mengisi dan memelihara kesinambungan kemerdekaan agar dapat memberikan kemajuan dan kejayaan dalam segala bidang kehidupan.

Ini bermakna fikah kemerdekaan sebelum wujudnya kemerdekaan adalah kewajipan setiap individu dan bangsa menghimpun kekuatan bersepadu secara fizikal, moral dan intelek untuk mengangkat senjata dan mengadakan pembicaraan dengan penyekat kemerdekaan iaitu penjajah.

Sedangkan fikah kemerdekaan selepas wujudnya kemerdekaan adalah kewajipan individu dan bangsa menghimpun kekuatan bersepadu secara fizikal, moral dan intelek untuk memaju dan menjayakan cita-cita kemerdekaan satu bangsa yang merdeka, berdaulat dan setaraf dengan bangsa merdeka lainnya seta dihormati.

Yang menjadi landasan bagi fikah kemerdekaan adalah suatu hakikat mengenai kecintaan seseorang kepada tanah airnya. Kecintaan ini adalah suatu kemestian bagi setiap individu waras. Apatah lagi bagi kita umat Islam yang junjungan kita pun sudah memberikan contoh mengenainya. Dalam kitab Fiqh as-Sirah atau fikah sejarah kehidupan Rasulullah kita baca pada waktu Baginda Rasulullah terpaksa berhijrah, baginda pernah berkata selepas keluar dari kota Makkah: "Wahai Kota Makkah! Sebenarnya engkau adalah negeri yang paling aku cintai. Andainya pendudukmu tidak mengusir pasti aku tidak akan keluar dari tanahmu." Satu pengakuan daripada Rasulullah akan kecintaan baginda kepada kota Makkah sebagai tempat baginda dilahirkan - tanah air tercinta.

Fikah kemerdekaan kita sekarang bukanlah kewajiban mengangkat senjata untuk bertempur secara fizikal hingga titisan darah penghabisan mengusir penjajah.

Tetapi ia adalah kewajiban kita untuk bertempur dan berperang melawan keterbelakangan, kebodohan dan kemiskinan sama ada keterbelakangan, kebodohan dan kemiskinan ini dalam bentuk rohani mahupun jasmani.

Fikah kemerdekaan mewajibkan kita mempertingkatkan persaudaraan dan perpaduan bangsa dan rakyat yang akan membimbing mereka ke arah keharmonian dan kemakmuran hidup bernegara.

Persaudaraan dan perpaduan berkenaan dalam konteks masyarakat majmuk Malaysia - sebagai implementasi daripada Piagam Madinah yang diisytiharkan Rasulullah pada tahun 1 Hijrah.

Dengan berpandukan isi Piagam Madinah dan bermodalkan fikah kemerdekaan, kita menjangka dan merancang wawasan bangsa untuk selalu menjadi baldatun taiyibatun, negeri yang baik (aman dan makmur) berteraskan syarak dan berhiaskan akhlak mulia. Untuk itu, tema Hari Kemerdekaan ke-40 tahun ini yang berbunyi 'Akhlak Mulia Masyarakat Jaya' adalah tema yang mustahak dihayati dan direalisasikan sebagai salah satu kunci kejayaan Wawasan Negara.

Tentunya bagi umat Islam Malaysia akhlak mulia tidaklah terlepas daripada akhlak murni sebagai seorang mukmin dan bertakwa yang pada hakikatnya mempercayai firman Allah yang bermaksud: "Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertakwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah berkatnya, dari langit dan bumi." - (QS. al-A'raf : 96).

Dengan akhlak mulia, penyakit masyarakat seperti rasuah dan 'fitnahmania' akan terkawal. Untuk mewujudkan akhlak mulia di kalangan masyarakat diperlukan murabatah setiap individu menurut masing-masing kelayakannya. Perkara itu pernah dibuktikan pada zaman kenabian Muhammad dengan sahabatnya selalu murabatah, sebagai contoh, mengingatkan sabda baginda ar-raasyi wal-murtasyi fin-naar atau perasuah dan penerima rasuah tempatnya di neraka (Lihat asy-Syaukani, Nail al-Awtar).

Begitu juga, ketika terjadi pemfitnah nabi Yahudi bernama Juraij atau George dalam bahasa Inggerisnya, tentunya bukan George Soros itu, dengan skandal seks - dalam istilah moden - sehingga melahirkan seorang anak.

'Fitnahmania' berkenaan menyebabkan Nabi Juraij sengsara. Kalau bukan seorang Nabi tentu beliau tidak boleh bercakap dengan budak yang baru lahir. Bagi kita, untuk mengatasi 'fitnahmania' ini tidak ada lain dengan murabatah.

Dalam membina kekuatan baru bangsa Melayu kita mesti selalu murabatah mengingatkan ayat Ali Imran di permulaan tulisan ini dengan pemahaman: "Wahai orang yang beriman, bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan kebajikan), dan kuatkanlah kesabaran kamu (lebih daripada kesabaran musuh, di medan perjuangan), dan tetaplah bersiap sedia serta bertakwalah kamu kepada Allah, supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan)."